



**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI  
PERAK DARUL RIDZUAN**

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

Rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan yang berkeelayakan adalah dipelawa memohon bagi mengisi kekosongan jawatan dalam perkhidmatan awam di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak seperti yang dinyatakan di bawah:-

BIL.	NAMA JAWATAN	GRED	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	TARAF
1.	PENGAWAS HUTAN	G19	PERTANIAN	KONTRAK/TETAP

**KETERANGAN**

1. Pemohon-pemohon hendaklah membuat permohonan secara **online** (atas talian) dengan melayari Portal Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia di alamat :- <http://www.spa.gov.my>
2. Sebarang keterangan lanjut boleh dirujuk kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Perak Darul Ridzuan ( u/p : Unit Pengambilan ) No Tel : 05-2540615
3. **Hanya permohonan yang dibuat dalam tempoh iklan sahaja akan diproses. Pemohon yang telah membuat permohonan bagi jawatan di atas dalam tempoh iklan yang ditutup pada 4 Mei 2021 tidak perlu membuat permohonan semula.**
4. **Tarikh tutup permohonan bagi jawatan di atas dilanjutkan sehingga 23 Mei 2021 (Ahad) jam 11.59 malam**



**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN  
E-5-2, E-6-2, MENARA SSI,  
SOHO 2, JALAN SULTAN IDRIS SHAH,  
30000 IPOH.  
NO.TEL: 05-2540615**

Rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan yang berkeelayakan adalah dipelawa memohon bagi mengisi kekosongan jawatan dalam perkhidmatan awam di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak seperti yang dinyatakan di bawah:-

**IKLAN 2/2021 PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI PERAK**

BIL.	NAMA JAWATAN	GRED	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	TARAF
1.	PENGAWAS HUTAN	G19	PERTANIAN	KONTRAK/TETAP

Syarat-syarat dan keterangan lanjut mengenai jawatan di atas adalah seperti berikut:-

**IKLAN 2/2021 PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI PERAK**

- 1.0 (a) Jawatan : **PENGAWAS HUTAN**  
(b) Jabatan : Jabatan Perhutanan Negeri Perak  
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana (Skim Perkhidmatan Bersepadu)  
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pertanian
- 2.0 Jadual Gaji : Gred G19

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM1,357.00	RM4,008.00	RM100.00

3.0 Syarat Lantikan :-

3.1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) Rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan dengan kewarganegaraan Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Perhutanan Pengawas Hutan daripada sekolah latihan perhutanan Sarawak atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred G19: RM1,413.40); atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Perhutanan Pengawas Hutan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau institut latihan perhutanan Sabah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred G19: RM1,469.80).

### 3.2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu :-

Calon bagi lantikan ke Pengawas Hutan Gred G19 hendaklah memiliki Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### 3.3. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL) :

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Awam dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pengawas Hutan Gred G19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3.1 (c); atau
- (ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan

#### (b) had umur pelantikan:

- (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

### 4.0 Taraf Jawatan :

Tetap / Kontrak

### 5.0 Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan :

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pengawas Hutan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

### 6.0 **Tarikh Tutup Permohonan Dilanjutkan sehingga :**

**23 Mei 2021 (Ahad)**